

**PENGUASAAN KEMAHIRAN GENERIK DALAM MEMENUHI KEHENDAK  
PASARAN KERJA: KAJIAN DI KALANGAN PELAJAR SEMESTER AKHIR  
DIPLOMA KEJURUTERAAN DI POLITEKNIK PORT DICKSON**

**SHARIFAH NOOR ANITA BINTI SYED JAAFAR**

**Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional**

**Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**SEPTEMBER 2002**

Al-Fatihah buat arwah Che'...  
tanpamu siapalah aku

Buat suami tercinta, Murizan...  
terima kasih kerana memahami dan sanggup mengharungi apa  
jua bersama...Doa dan restu Abang menjadi dorongan dan  
pembakar semangat

Untuk anak umi...terima kasih kerana tak banyak kerenah  
dan sentiasa menemani umi sepanjang masa menyiapkan projek  
sarjana...-

Untuk abah, mak su,enie,yie dan je...kalian sentiasa dalam  
ingatan. Una, Yiq dan Luqman..kalian insan istimewa. Buat  
mak, ayah dan keluarga di N.Sembilan, terima kasih kerana  
sentiasa memahami. Buat adik-adik,belajar rajin-rajin  
sampai masuk u.

Buat rakan-rakan seperjuangan, memori bersama akan terus  
mekar dalam ingatan.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Syukur kepada Allah, dengan rahmat dan izin-Nya penulis telah berjaya menyempurnakan Projek Sarjana bertajuk Penguasaan kemahiran Generik dalam Memenuhi Kehendak Pasaran Kerja: Kajian Di Kalangan Pelajar Semester Akhir Diploma Kejuruteraan di Politeknik Port Dickson. Projek ini tidak mungkin berjaya tanpa bantuan dan kerjasama daripada pihak-pihak yang terlibat.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia projek sarjana, Dr. Wan Mohd. Rashid Bin Wan Ahmad di atas segala tunjuk ajar, komentar dan dorongan yang diberikan sepanjang penulis menyiapkan projek sarjana ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada wakil-wakil daripada syarikat di Kawasan Perindustrian Nilai di atas kerjasama yang diberikan. Terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah yang telah memberikan kerjasama dalam pengedaran borang soal-selidik dan tidak ketinggalan pelajar-pelajar semester akhir diploma kejuruteraan PPD.

Seterusnya, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga sumbangan dan jasa baik anda mendapat rahmat dari-Nya.

## ABSTRAK

Penguasaan kemahiran generik akan menjamin seseorang individu untuk terus relevan dan mampu bersaing dalam dalam era globalisasi yang penuh cabaran. Jangka hayat pengetahuan dan kemahiran teknikal dalam bidang spesifik yang singkat memerlukan pelajar dilengkapi dengan kemahiran generik yang dianggap sebagai kemahiran masa depan. Bagi memastikan Malaysia mempunyai tenaga kerja yang berkualiti dan mampu membawa cabaran negara ke peringkat antarabangsa, institusi pengajian dan latihan di negara ini perlu memastikan sistem yang digunapakai sentiasa dinamik dan relevan. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui sejauhmana penguasaan kemahiran generik pelajar dalam memenuhi kehendak pasaran kerja. Tinjauan yang dijalankan melibatkan 160 pelajar semester akhir kejuruteraan di Politenik Port Dickson dan wakil industri di Kawasan perindustrian Nilai. Hasil kajian menunjukkan penguasaan kemahiran generik pelajar adalah pada tahap yang sederhana. Sementara itu, majikan sangat memerlukan tenaga kerja yang menguasai kemahiran generik bagi membawa organisasi bersaing di peringkat yang lebih global. Oleh itu, diharapkan semua pihak yang terlibat memberi perhatian dan mengambil langkah yang berkesan dalam usaha memperkembangkan kemahiran generik pelajar terutamanya di Politeknik bagi menyediakan tenaga kerja yang memenuhi kehendak pasaran kerja semasa dan masa depan seterusnya memastikan negara terus *survive* dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

## ABSTRACT

Generic skills acquisition will ensure individuals continuously relevant and able to compete in globalisation era which is full of challenges. The shelf life of knowledge and technical skills in a specific field is becoming shorter, so the students have to be well equipped with generic skills which are considered as the future skills. To make sure Malaysia has quality work force and able to bring nation challenge to the international level, the education and training institutions have to identify the systems that are in used is dynamic and relevant. The objective of this study is to determine to what extent the student's acquisition of generic skills in meeting a market demand. A survey had been carried out which involved 160 final semester engineering student of Polytechnic Port Dickson and industry representatives in Nilai Industrial Estate. The findings revealed that student's generic skills acquisition is moderate. At the same time, employers are very much in need of workforce equipped with generic skills to bring the organisation to compete in more global level. In due to that, all the parties involved should take effective steps and effort to expand the generic skills of student especially at polytechnics as to prepare them to be future work forces that could fulfil current and future market demand. Furthermore, to ensure that our country can survive and able to compete at the international level.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS	
	HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv

**BAB I      PENGENALAN**

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	3
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Persoalan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Kerangka Teori	7

1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Skop Kajian	9
1.8	Definisi Istilah	10
1.9	Kesimpulan	11

## **BAB II      SOROTAN KAJIAN**

2.0	Pengenalan	12
2.1	Kemahiran Generik	13
2.2	Penguasaan Kemahiran Generik	14
2.3	Tenaga Kerja yang Diperlukan	16
2.4	Peranan Institusi Pendidikan	20
2.5	Kesimpulan	25

## **BAB III      METODOLOGI KAJIAN**

3.0	Pengenalan	26
3.1	Rekabentuk Kajian	27
	3.1.1 Teknik Kajian	28
3.2	Populasi dan Sampel	30
3.3	Instrumen Kajian	31
3.4	Kronologi Kajian	33
3.5	Pengumpulan Data	34
	3.5.1 Sumber data Primer	35
3.6	Kaedah Analisis Data	35
3.7	Kajian Rintis	37
3.8	Batasan Kajian	37
3.9	Kesimpulan	38

## BAB IV ANALISIS DAN INTEPRETASI DATA

4.0	Pengenalan	39
4.1	Keputusan Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	40
4.2	Soal Selidik	41
4.3	Analisis Soal Selidik Pelajar	41
4.3.1	Maklumat Demografik	41
4.3.2	Kemahiran Generik Pelajar	42
4.3.2.1	Penguasaan Kemahiran Generik	44
4.3.2.2	Kepentingan Kemahiran Generik	49
4.3.2.3	Sumbangan Program Terhadap Kemahiran Generik	56
4.4	Kehendak Majikan Terhadap Kemahiran Generik	61
4.5	Analisis Korelasi	64
4.6	Kesediaan Pelajar Terhadap Pekerjaan	66
4.7	Kesimpulan	68

## BAB V RUMUSAN, PERBINCANGAN, DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	69
5.1	Rumusan dan Perbincangan	69
5.1.1	Penguasaan Kemahiran Generik dan Keperluannya	70
5.1.2	Tenaga Kerja untuk Masa depan	72
5.1.3	Sistem Pendidikan yang Relevan	74
5.2	Cadangan	75
5.2.1	Krikulum Politeknik	76
5.2.2	Meningkatkan Kesedaran Pelajar	79



5.2.2	Meningkatkan Kesedaran Pelajar	79
5.2.3	Mengintegrasikan Kemahiran Generik dalam P&P	82
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	84
5.4	Kesimpulan	85

**RUJUKAN**

86



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

4.13	Perhubungan Penguasaan Kemahiran Generik dengan Kepentingan Kemahiran Generik	66
4.14	Persediaan Pelajar untuk Bekerja	67
4.15	Tahap Keyakinan untuk Bekerja	67



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	8
4.1	Graf Nilai Min Penguasaan, Kepentingan dan Sumbangan	44
4.2	Graf Tahap Penguasaan Kemahiran Generik (Min) mengikut Kursus	45
4.3	Graf Tahap Penguasaan (Min) mengikut Jenis Kemahiran	48
4.4	Graf Tahap Kepentingan Kemahiran Generik mengikut Kursus	50
4.5	Graf Tahap Kepentingan (Min) mengikut Jenis Kemahiran	54
4.6	Graf Tahap Sumbangan Program (Min) mengikut Kursus	57
4.8	Graf Tahap Sumbangan Program (Min) mengikut Jenis Kemahiran	60

**SENARAI SINGKATAN**

CGPA	-	Cumulative Grade Point Average (Himpunan Markah Kumulatif)
Ind/1	-	Industri 1
Ind/2	-	Industri 2
Ind/3	-	Industri 3
K.J/1	-	Ketua Jabatan Industri 1
K.J/1	-	Ketua Jabatan Industri 2
K.J/1	-	Ketua Jabatan Industri 3
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
P/1	-	Pengurus Industri 1
P/2	-	Pengurus Industri 2
P/3	-	Pengurus Industri 3
PPD	-	Politeknik Port Didkson
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia



**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang soal selidik	89
B	Analisis temubual	93



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENGENALAN

#### Pendahuluan

Malaysia sedang menuju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi). Penyediaan tenaga kerja yang menguasai bidang ilmu dan mempunyai pelbagai kemahiran merupakan satu usaha bagi memastikan hasrat ini terlaksana dengan lancar. Setiap rakyat khususnya para pekerja di semua sektor perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan bagi memenuhi tuntutan semasa dan masa depan. Keperluan yang utama selain daripada penguasaan ilmu dan kemahiran teknikal yang diperolehi di institusi pengajian atau institusi latihan adalah penguasaan kemahiran generik bagi memastikan Malaysia mempunyai sumber tenaga manusia yang berketrampilan seterusnya mampu bersaing secara aktif dalam menghadapi k-ekonomi dan globalisasi.

Kemahiran generik adalah sangat penting dan diperlukan dalam pekerjaan. Dengan penguasaan kemahiran generik menjadikan seseorang dapat menyesuaikan diri bukan sahaja dengan perubahan dan perkembangan dalam sektor pekerjaan malah dalam menghadapi kehidupan seharian. Antara kemahiran generik yang utama adalah kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir seperti kemahiran

menyelesaikan masalah, pembelajaran sepanjang hayat, menguasai maklumat dan kemahiran bekerja dalam kumpulan.

Dalam penggunaan yang lebih realistik dan praktikal, kemahiran generik merangkumi kemahiran-kemahiran seperti *employable skills*, *transferable skills*, *cognitive skills* dan *social skills*. Ini bermakna seseorang individu yang menguasai kemahiran generik mempunyai kecekapan dan kepandaian mengerjakan sesuatu dengan cekap, cepat, sempurna, berkemahiran dan berketrampilan. Kesedaran dikalangan majikan terhadap keperluan penguasaan kemahiran generik semakin bertambah terutama dalam bidang kejuruteraan yang disifatkan sebagai tunggak kepada industri baru abad ke-21. Malaysia bukan sahaja memerlukan tenaga kerja yang berketrampilan (*competent*) dalam bidang kerja yang spesifik, malah memerlukan penguasaan kemahiran generik bagi menghadapi era globalisasi.

Politeknik merupakan antara institusi pengajian utama yang menghasilkan pekerja separa mahir dalam bidang teknikal. Justeru, politeknik perlu memastikan produk yang dikeluarkan bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal dan mempunyai pengetahuan dalam bidang pengajiannya, malah turut menguasai kemahiran generik yang sejajar dengan tuntutan pasaran kerja masa kini dan masa depan.

Strategi pembangunan Malaysia menegaskan penyesuaian sistem pendidikan bagi menghasilkan sumber tenaga yang diperlukan. Perkara ini dinyatakan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991 dalam Aede Hatib (1999):

“Perhatian yang lebih serius perlu diberikan dalam memastikan kurikulum teknik dan vokasional selaras dengan perubahan dan pasaran buruh. Kawalan lebih rapi terhadap sistem pendidikan dan latihan serta usaha-usaha bagi memperbaiki lagi kurikulum akan dilaksanakan untuk memastikan kemahiran yang diajar adalah sesuai dengan keperluan industri.”

Fokus kurikulum teknik dan vokasional tidak seharusnya semata-mata membina pengetahuan dalam bidang tertentu, tetapi membantu pelajar membentuk pengetahuan yang luas, kemahiran, sikap dan nilai yang menyumbang ke arah penguasaan kerja. Di samping itu, ia juga seharusnya peka dengan perubahan dan perkembangan teknologi yang bersifat kontemporari dan responsif dengan perubahan agar graduan yang dihasilkan dapat bersaing dalam pasaran kerja yang sentiasa berubah.

### **1.1 Latar Belakang Masalah**

Pengalaman daripada kegawatan ekonomi dan kelembapan ekonomi dunia akibat kejatuhan ekonomi Amerika Syarikat turut memberi kesan kepada negara kita. Apabila berlaku masalah ekonomi, bilangan siswazah sama ada lepasan institut pengajian tinggi atau politeknik yang menganggur akan meningkat. Persaingan untuk mendapatkan pekerjaan menjadi bertambah sengit. Majikan perlu mengambil tenaga kerja berpengetahuan bagi pekerjaan-pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang tinggi (Azhar et.al, 2001). Ini bermakna bagi memenuhi keperluan semasa dan akan datang, individu yang hanya menguasai kemahiran teknikal dan mempunyai kelayakan akademik sahaja tanpa penguasaan kemahiran generik dianggap tidak lagi relevan dalam persekitaran baru yang amat mencabar.

Selain daripada itu, kita juga perlu mempunyai kesedaran untuk menjadikan Malaysia sebagai tumpuan pelabur dengan menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi bagi bersaing dengan negara industri baru seperti China dan India yang dapat menawarkan tenaga buruh yang lebih murah dan mempunyai pasaran yang lebih luas.



Politeknik dilihat sebagai institusi pengajian yang berupaya menyediakan tenaga kerja separa mahir terutama dalam bidang teknikal untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di masa akan datang. Bidang teknikal terutamanya kejuruteraan dilihat akan menjadi satu profesyen yang mempunyai peluang pekerjaan yang sangat luas. Sesuatu yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak adalah keperluan penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar sebagai persediaan memasuki alam pekerjaan. Menurut Menteri Sumber Manusia (2000), jurutera Malaysia perlu mempunyai pelbagai kemahiran dan berdaya saing bagi membolehkan negara mengeksport perkhidmatan kejuruteraan yang dilihat mempunyai potensi yang sangat besar.

Dalam era globalisasi, maklumat dan teknologi dicipta dan bergerak dengan kadar yang sangat pantas dan ini akan menyukarkan mana-mana organisasi untuk terus berada di hadapan. Organisasi memerlukan modal yang sangat besar untuk sentiasa menyediakan peralatan baru dan mengambil pekerja yang mempunyai kemahiran yang bersesuaian dan terkini bagi mengadaptasikan dengan perubahan yang berlaku dengan pantas dan berterusan. Oleh itu, organisasi perlu mempunyai strategi bagi bersaing dan memastikan mereka terus bertahan. Kebanyakan organisasi kini menyedari bahawa aset syarikat yang sangat berdaya saing bagi menghadapi semua ini adalah sumber manusia (pekerja). Lantaran itu, pekerja perlu menyediakan diri dengan segala kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi persaingan dan relevan dengan tuntutan semasa. Keperluan kepada penguasaan kemahiran generik di kalangan pekerja lebih diperlukan memandangkan perubahan teknologi yang terlalu cepat dan perlu sentiasa dipelajari.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Kemahiran generik adalah kemahiran yang perlu dikuasai dan seharusnya diberi penekanan dalam perlaksanaan kurikulum di institusi pendidikan di Malaysia

terutama dalam memenuhi keperluan negara. Walau bagaimanapun institusi pengajian tinggi dan politeknik di negara kita masih kurang memberi penekanan dalam memperkembangkan kemahiran generik yang merupakan keperluan asas dalam menyediakan *k-workers*. Ia dilihat seolah-olah tidak peka dengan perubahan yang berlaku pada masa kini yang mana penguasaan kemahiran generik selain kemahiran teknikal adalah sangat diperlukan selaras dengan tuntutan menyediakan sumber tenaga bagi negara dalam menghadapi persaingan di peringkat global. Manakala kurikulum yang diamalkan di politeknik dilihat lebih bersifat berpandukan kandungan atau *content driven* dan sangat kurang memberi penekanan dalam memperkembangkan kemahiran generik seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritikal dan kreatif, menguasai maklumat dan kemahiran bekerja secara berkumpulan.

Di samping itu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang seharusnya berpusatkan pelajar sangat kurang dipraktikkan di politeknik. Corak penilaian dan pengukurannya pula lebih menggalakkan pelajar menghafal bagi lulus cemerlang dalam peperiksaan. Pelajar tidak mengambil berat dalam mengasah dan menguasai kemahiran generik yang dianggap tidak mempunyai kepentingan untuk lulus cemerlang. Tahap kesedaran pelajar politeknik yang rendah terhadap kepentingan kemahiran generik mungkin juga disebabkan oleh kurangnya pendedahan yang diberikan oleh pihak politeknik sendiri dan disebabkan oleh sikap pelajar yang kurang memberi perhatian terhadap perkara ini.

Justeru, kajian ini akan mengenalpasti sejauh mana penguasaan kemahiran generik pelajar dengan kurikulum dan latihan yang diamalkan di politeknik dalam memenuhi kehendak pasaran kerja.

### 1.3 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian telah dihasilkan bagi tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

1. Sejauh manakah tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar semester akhir kejuruteraan di politeknik.
2. Sejauh manakah tahap kepentingan penguasaan kemahiran generik terhadap pelajar semester akhir kejuruteraan di politeknik.
3. Sejauh manakah sumbangan kurikulum terhadap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar semester akhir kejuruteraan di politeknik.
4. Sejauh manakah penguasaan kemahiran generik yang diharapkan oleh pihak majikan terhadap lepasan diploma politeknik.
5. Apakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara tahap penguasaan kemahiran generik dengan tahap kepentingan kemahiran generik.  
Hipotesis null: Tiada sebarang perhubungan yang signifikan dia antara tahap penguasaan kemahiran generik dengan tahap kepentingan kemahiran generik.

### 1.4 Objektif Kajian


Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui penguasaan kemahiran generik pelajar politeknik bagi menghadapi alam pekerjaan dan ia merangkumi: :

1. Tahap kesedaran terhadap kemahiran generik di kalangan pelajar semester akhir kejuruteraan di politeknik.

2. Sejauhmana penerapan kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilalui oleh pelajar yang mengikuti program diploma kejuruteraan.
3. Tahap penguasaan kemahiran generik yang diharapkan oleh pihak majikan dalam industri berasaskan kejuruteraan.
4. Adakah terdapat perhubungan yang signifikan di antara tahap penguasaan kemahiran generik dengan tahap kepentingan kemahiran generik.

### 1.5 Kerangka Teori

Kerangka teori (rujuk Rajah 1.1) menunjukkan perhubungan di antara penguasaan kemahiran generik dengan pelajar diploma kejuruteraan di politeknik Port Dickson dan program diploma yang diikuti. Daripada perhubungan yang ditunjukkan, program diploma yang diikuti memberikan sumbangan yang sepenuhnya dalam penguasaan generik pelajar. Kemahiran generik yang diperolehi oleh pelajar daripada pengalaman pembelajaran di politeknik seharusnya relevan dengan kehendak pasaran kerja. Tanpa penguasaan kemahiran generik, pelajar adalah tidak mempunyai kompetensi untuk menghadapi alam pekerjaan. Kemahiran generik perlu dikuasai untuk terus relevan dengan tuntutan pekerjaan semasa.



Rajah 1.1 : Kerangka Teori

## 1.6 Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat secara langsung kepada pelajar yang mengikuti kursus diploma kejuruteraan di politeknik dalam meningkatkan kemahiran generik memandangkan keperluan kemahiran ini yang semakin meningkat. Maklumat daripada pihak industri banyak memberi maklumat kepada pelajar dan institusi pengajian tentang kepentingan penguasaan generik bagi memenuhi tuntutan masa hadapan.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada kumpulan pelajar semester akhir yang mengikuti kursus diploma kejuruteraan elektrik, mekanikal dan awam di Politeknik Port Dickson. Pelajar semester akhir dipilih kerana mereka merupakan kumpulan yang akan memasuki alam pekerjaan dalam masa yang terdekat setelah mengikuti hampir keseluruhan program pengajian. Kajian dibuat adalah untuk mengetahui tahap kesedaran pelajar terhadap keperluan kemahiran generik dan penguasaan kemahiran generik pelajar setelah mengikuti pengajian dengan kurikulum yang telah ditetapkan. Disamping itu, kajian ini juga adalah bertujuan untuk mengetahui kesesuaian kurikulum yang sedia ada dalam memperkembangkan kemahiran generik pelajar di politeknik. Fokus juga akan diberikan kepada beberapa industri yang terdapat di Kawasan Perindustrian Nilai untuk mengetahui keperluan yang diharapkan oleh pihak majikan terhadap kemahiran generik terutama bagi lulusan diploma politeknik.

## 1.8 Definisi Istilah

Beberapa istilah yang kerap digunakan dalam kajian ini, diberikan definisi yang bersesuaian dengan konteks kajian yang dijalankan bagi mengelakkan salah tafsir. Antara istilah-istilah yang didefinisikan adalah seperti berikut:

### **Kemahiran generik**

Kemahiran generik merupakan kecekapan dan kepandaian untuk melakukan sesuatu perkara atau tugas dengan cekap, cepat, sempurna, berkemahiran dan berketrampilan. Antara kemahiran generik yang utama adalah kemahiran berfikir, kemahiran berkomunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, merancang dan mengelola serta menganalisis maklumat.

### **K-ekonomi**

Pelan ekonomi berasaskan pengetahuan, informasi, penyelidikan dan pembangunan. Dalam konteks Malaysia, ia dapat dinyatakan sebagai penggunaan dan aplikasi pengetahuan secara optimum dan berterusan bagi semua sektor dalam ekonomi serta peningkatan pembangunan bagi industri berkepentingan tinggi, berintensif pengetahuan, berdaya maju dan menguntungkan.

### **K-workers**

Pekerja yang menguasai pengetahuan dan mempunyai pelbagai kemahiran seperti berfikir kritis, kreatif dan analitikal yang membolehkan individu tersebut menambah nilai kepada maklumat yang diperolehi.

## 1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhan, bab ini menerangkan latar belakang masalah kajian dan mengapa kajian ini perlu dijalankan. Dalam bab ini juga pengkaji menetapkan persoalan-persoalan kajian yang perlu diungkapkan. Setiap langkah yang diambil pada peringkat seterusnya adalah bertujuan untuk mencapai objektif kajian ini. Disamping itu, kajian ini diskopkan bagi memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat daripada kumpulan sasaran yang dianggap mewakili populasi.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## Rujukan

- Abdul Wahab Muhammad et.al.(2000). “K-Economy and Globalization-Are Our Student Ready?”. dlm *Jurnal Technology and Vocational Education: Globalization and Future Trends*. hml 328-333
- Abdul Halim Yusof (2000).*Ilmu Kunci Utama K-Ekonomi*. Berita Harian 1 Julai 2000.
- Amran Bin Md. Rasli, Hishamuddin Bin Md. Som dan Rosman Bin Mohd Yusoff (2000). “Assessing IT Training and Profesional Development Needs of Administrative Assistants at Universiti Teknologi Malaysia” . dlm *Jurnal Technology and Vocational Education:Globalization and Future Trends*. hml
- Azhar Abd Halim. et.al.(2000). “Globalization and its impact on Technical and Vocational Education and Training in Malaysia”. dlm *Jurnal Technology and Vocational Education:Globalization and Future Trends*: 256-269
- Bailey, A (1990). *Personal Transferable Skills for Employment: The Pole of Higher Education dalam Industry and Higher Education-Collaboration to Improve Student Learning & Training*. 1<sup>st</sup> Ed. Buckingham: The Society for Research Into Higher Education and Open University Press
- Carnevale, A.P dan Gainer, L.J (1989). *U.S Dept. of Labor and the American Society for Training and Development*: Washington, D.C: The Learning Enterprise.
- Cates Ward Mitchell(1990). *Panduan Amali untuk Penyelidikan Pendidikan*. Penterjemah: Syahrom Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chan Yuen Fook (2000). *Preparing Knowledge Workers for the Knowledge Economy*. dlm *Technology and Vocational Education:Globalization and Future Trends*.

- Committee for Economic Development (1985). *Investing in Our Children*. Washington, D.C: Author.
- Ester Granamalar Sorojini Daniel(2001). “Penerapan Multimedia Ibtteraktif Dalam pendidikan Sains: Satu Cadangan Model Kreangka Teori.” dlm *Jurnal Teknologi*, 31(E)Universiti Teknologi Malaysia.hlm 9-29
- Faharol Razi Shaari (1999). “Integrasi kemahiran Generik dalam Aktiviti Pembelajaran Bestari” dlm *Jurnal IPDA*. Bil 6.hlm 1-4.
- Grayson, Lawrence. P. (1993). *The making of Engineer*. New York: John Wiley and Sons.
- Hamdan Said (2001). “Penggunaan pembelajaran Koperatif dalam pengajaran di Institusi pengajian Tinggi.” dlm *Jurnal Teknologi*,32 (E): *Universiti Teknologi Malaysia*, hlm 51-63
- Hamdan Said dan Nasrudin Talib(2000). “Cabaran Era Globalisasi ke Atas Warga Pendidikan di Malaysia”. dlm *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, Jilid 6. Oktober 2000 hlm.35-46
- Johana Lasonen (2000). “Globlaization and Future Trends in the Field of Technology and Vocational-Technical Education and Training” dlm *Jurnal Technology and Vocational Education:Globalization and Future Trends*. hlm 1-11.
- Leo Ann Mean (2001) ). “The Case for Creativity-Centered management in Education” dlm *Jurnal Pengurusan Pendidikan*.hlm50-53
- Mohd Majid Konting (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

- Norani Mohd Salleh (2000). *Economic Independence (EI) through Vocational Education (VE) for the Visually Impaired (VI)*. dlm Jurnal: *Technology and Vocational Education: Globalization and Future Trends*: hlm 287-291
- Raggat (1996). *Boundaries of Adult Learning*. London: Portlege.
- Ramziah Hussien dan Ramli Mustaffa. (2001) "Impak globalisasi dan K-Ekonomi Terhadap Perancangan Pendidikan di Malaysia" dlm *Jurnal: Technology and Vocational Education: Globalization and Future Trends*. hlm 240-248.
- Sharma Thayabarasilan (2001). *Generic Skills Acquisition in Meeting a Market Demand: An Analysis of Generic Skills Acquisition Among Final Year Engineering Student of KUiTTHO*. Kolej Universiti Tun Hussien Onn. Tesis Sarjana. "Tidak diterbitkan"
- Sulaiman Haji Hasan (2001). *Training Engineer and Engineering Technologist in the New Era*. Kolej Universiti Tun Hussien Onn: Kertas Seminar. "Tidak diterbitkan"
- Wan Mohd Rashid Wan Ahmad (2000). *Staff Development Program at Technical Institution Under the Ministry of Education in the east Coast of Peninsula Malaysia*. University of Birmingham, U.K. PhD Thesis. "Tidak diterbitkan"
- Aede Hatib Bin Musta'mal (1999). *Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) dalam Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia*.  
<http://members.tripod.com/-aede/HRD2htm> (Diperolehi pada 3.1.02)
- Brown, A (1997). *The Development of Key Skills Across Contexts and Over Time*. <http://www.ile.mdx.ac.uk/hec/partners/journal/3-2/2-1.htm>.  
 (Diperolehi pada 9.12.01)
- Fong Chan Onn (2000). *Ucapan di Persidangan Kementerian Sumber Manusia*.  
<http://www.jaring.my/ksm/spm38.htm>. (Diperolehi pada 3.1.02)

R.A.NeSmith (2000). *Curriculum Development and Frameworks*.  
(<http://members.tripod.com/bioscience/curriculum.html>) (Diperolehi  
pada 3.1.02)

Reiguluth, M (1999). *Basic Methods of Instruction. Modul 7: Generic Skills*.  
<http://www.votech-resources.com/issues.html> (Diperolehi pada 9.12.01)

Tetty Heney Zulkifli (2000). *Inovasi Dalam Pedagogi: Kurikulum dan  
Pendidikan Malaysia*. [http://www.geocities.com/nikzafri/Pendidikan  
Net/psikologi.htm](http://www.geocities.com/nikzafri/PendidikanNet/psikologi.htm) (Diperolehi pada 9.12.01)

\_\_\_\_\_, ( ). *Generic Skills and Attributes of Graduates from the  
University of Canberra*.  
<http://www.canberra.edu.au/secretariat/council/generic.html> (Diperolehi  
pada 3.1.02)



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH